

Singapura bakal dedah fail perjanjian keluar Malaysia

Sebahagian besar dokumen dikategorikan OSA sebelum ini akan dibukukan

Singapura: Kerajaan bersetuju mengubah status dan menerbitkan dokumen dalam fail 'Albatross' milik bekas Timbalan Perdana Menteri, mendiang Dr Goh Keng Swee.

Fail itu sebahagian besar merangkumi dokumen berkaitan proses sebelum termeterai Perjanjian Perpisahan pada Ogos 1965, yang selama ini dikategorikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Menteri Komunikasi dan Penerangan Singapura, Dr Janil Puthuchery, berkata fail me-

ngandungi perbicaraan dan rundingan peringkat tertinggi itu disimpan Keng Swee, menjelang keputusan Singapura keluar dari Malaysia, pada Ogos 1965.

Berucap pada sesi perbahasan belanjawan bagi kementerianya di Parlimen semalam, beliau berkata, sebahagian dokumen berkaitan Perjanjian Perpisahan itu akan dibukukan dan diterbitkan akhir tahun ini.

Beliau berkata, suatu tempoh sesuai diperlukan bagi mengubah status dokumen itu berikutan kerumitan bahan berkenaan.

"Subset bahan ini adalah sebahagian pameran awam, manakala set dokumen lebih besar yang tidak diklasifikasikan mengenai pemisahan akan dibukukan dan diterbitkan akhir tahun ini.

"Ia termasuk kertas Kabinet serta nota Keng Swee mengenai perbualannya dengan pemimpin Malaysia," katanya.

Selain menjadi rekod penting bagi detik bersejarah Singapura, fail itu turut dilengkapi panda-

ngan mengenai perbincangan antara pemimpin Malaysia dan republik itu ketika beberapa minggu menjelang perpisahan.

Beberapa kandungan fail Albatross sudah didedahkan kepada umum sebelum ini, termasuk dalam buku *The Singapore Story*, yang juga jilid pertama memoir bekas Perdana Menteri, Lee Kuan Yew.

Sebahagian daripada fail berkenaan turut dipamerkan di Muzium Singapura, sebelum ini.

Ia turut memberi pandangan terperinci mengenai peranan pemimpin Singapura mencadangkan dan mempermudah proses pemisahan, bertentangan dengan gambaran bahawa republik itu 'diusir' oleh Malaysia.

Antara dokumen yang akan didedahkan, termasuk kertas Kabinet dan nota Keng Swee berkaitan perbualannya dengan pemimpin Malaysia ketika itu.

Rundingan itu membabitkan

pengasas merangkap Perdana Menteri pertama Singapura, Lee Kuan Yew dan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman.

Ia menyaksikan keputusan Singapura meninggalkan Malaysia pada 9 Ogos 1965, selepas dua tahun bersama.

Kewujudan fail itu kali pertama didedahkan kepada umum dalam temu bual pada 1980, di mana Keng Swee menyatakan bahawa Albatross' merujuk kepada Malaysia.

"Pada masa itu, kami berharap besar bahawa Malaysia akan membawa kemakmuran, pasaran lebih besar, keamanan dan keharmonian tetapi kami tersilap. Malaysia sebenarnya menjadi 'albatross' di tengkuk kami," katanya.

Ia merujuk kepada peribahasa Inggeris, *albatross round neck* bermakna dibebani rasa bersalah yang kemudian menjadi penghalang kepada kejayaan.

AGENSI